

**PENGGUNAAN MEDIA PENGAJARAN DALAM KALANGAN  
GURU-GURU MATA PELAJARAN GEOGRAFI  
DI DAERAH BATU PAHAT,  
JOHOR.**

**SHAMSIAH BINTI SIDEK**

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal  
(Rekabentuk Instruksional & Teknologi)**

**Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

**JUN 2012**

## ABSTRAK

Penggunaan media pengajaran mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru-guru mata pelajaran Geografi di bilik darjah. Situasi inilah yang menyebabkan penyelidik berminat untuk mengkaji penggunaan media pengajaran dalam kalangan guru-guru mata pelajaran Geografi di daerah Batu Pahat. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Populasi sampel dalam kajian ini adalah 65 orang terdiri dari guru-guru daripada sebelas buah sekolah menengah yang menawarkan elektif mata pelajaran Geografi peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2010 di Batu Pahat. Kajian ini menggunakan 30 sampel sahaja dipilih secara rawak berkelompok iaitu 15 orang guru lelaki dan 15 orang guru perempuan. Satu kajian rintis dijalankan untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian. Data yang dikumpul daripada soal selidik dianalisis menggunakan kaedah *Rasch Model Analysis* yang menggunakan program *Winstep* versi 3.69.1.11. Kebolehpercayaan instrumen bagi kajian ini adalah tinggi dengan nilai *Alpha Cronbach* untuk soal selidik ini ialah 0.73. Dapatan kajian menunjukkan bahawa media pengajaran yang kerap digunakan oleh responden ialah media cetak buku teks dan modul serta media paparan iaitu papan tulis. Kajian ini juga mendapati pengurusan dan pentadbiran tidak mengadakan peralatan seperti LCD dan skrin di bilik darjah mempengaruhi penggunaan media pengajaran dalam kalangan responden. Melalui kajian ini 50% responden mencadangkan penyediaan komputer dan LCD di bilik darjah supaya mudah menggunakannya. Kajian mencadangkan tindakan dari pihak guru, pentadbir sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia bagi membantu meningkat lagi penggunaan media pengajaran dan keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## ABSTRACT

Education media affects the effectiveness of classroom teaching. This is what motivated the researcher to carry out a study to identify the use of education media among Geography teachers in the district of Batu Pahat in Johor. This study uses the Enquiry Method. This study was carried out among 65 teachers from eleven secondary schools which offer Geography as an elective subject for the Malaysian Certificate of Education or its Malay equivalent, 'Sijil Pelajaran Malaysia' (SPM) in 2010. A total of thirty respondents, that is, 15 male and 15 female Geography teachers were randomly selected for this study. A pilot study was carried out to test the reliability of the instrument used that is, questionnaires in this study. The collected data were analysed using the *Rasch Model Analysis* which uses the *Winstep* Programme Version 3.69.1.11. The reliability of the instrument used for this study, was high with an *Alpha Cronbach* value of 0.73. The findings of this research indicated that education media frequently used by the Geography teachers were the printed media, namely, the textbook and display media, namely, the blackboard. This study also found that the school management and administration authorities did not equip the classrooms with education media such as LCD and screen in the schools of all thirty respondents. In this study, 50% of the Geography teachers suggested equipping the classroom with a computer and LCD to facilitate teaching. Hence, it is suggested in this study that teachers, school administrators, the Johor State Education Department and the Malaysian Ministry of Education play an important role in enhancing the use of education media and effectiveness of the teaching and learning processes.

## KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>DEDIKASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK.</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	ix
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah.	6
1.4	Tujuan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Persoalan Kajian	8
1.7	Skop dan Batasan Kajian	8
1.8	Kepentingan Kajian	9
1.9	Jangkaan Dapatan	10
1.10	Peta konsep	11
1.11	Difinisi Operasi	13
	1.11.1 Media Pengajaran dan Pembelajaran	13

1.11.2	Mata Pelajaran Geografi	16
1.11.3	Pengajaran dan Pembelajaran	16
1.11.4	Penggunaan	16
1.12	Rumusan	16

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	17
2.2	Pendekatan Penggunaan Media Pengajaran dan Teori Pembelajaran	18
2.2.1	Prinsip dan Aplikasi Teori Behaviorisme dan Penggunaan Media Pengajaran	18
2.2.2	Prinsip dan Aplikasi Teori Kognitisme dan Penggunaan Media Pengajaran	19
2.2.3	Prinsip dan Aplikasi Teori Konstruktisme dan Penggunaan Media Pengajaran	20
2.3	Keberkesanan Media Pengajaran dan Teori Pembelajaran	21
2.3.1	Teori Pembelajaran Kognitif dalam Pengajaran dan Pembelajaran	23
2.4	Penggunaan Media dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	24
2.4.1	Keperluan Penggunaan Media dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	24
2.4.2	Keperluan Media Pengajaran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	25
2.5	Rumusan	27

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	28
-----	------------	----

3.2	Reka Bentuk Kajian	28
3.3	Tempat Kajian	29
3.4	Sampel	30
3.5	Instrumen Kajian	31
3.6	Kesahan Item Soal Selidik	33
3.7	Kajian Rintis	34
3.8	Prosedur Mengumpul Data	35
3.9	Penganalisaan Data	36
3.10	Kesahan dan Kebolehpercayaan	37
3.11	Kerangka Operasi Kajian	39
3.12	Carta Gantt Kajian	41
3.13	Kesimpulan dan Rumusan	41

#### **BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN.**

4.1	Pendahuluan.	42
4.2	Analisis	
4.2.1	Analisis Soal Selidik.	43
4.2.1.1	Kapasiti Item Untuk Memperolehi Keputusan yang Konsisten dengan Matlamat Pengukuran Keputusan yang Konsisten dengan Matlamat Pengukuran : Ringkasan Statistik Bagi Kebolehpercayaan dan Indeks Pengasingan ( <i>Separation Index</i> ).	44
4.2.1.2	Ringkasan Pemeriksaan Kefungsian Item	45
4.2.2	Keputusan Analisis Latar Belakang Responden	47
4.2.2.1	Analisis Data Responden Berdasarkan Jantina.	45
4.2.2.2	Analisis Data Responden Berdasarkan Umur	46
4.2.2.3	Analisis Data Responden Berdasarkan	48

Akademik	
4.2.2.4 Analisis Data Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	49
4.2.2.5 Analisis Data Responden Bilangan Tingkatan yang Pernah Diajar.	50
4.2.3 Keputusan dan Analisis Persoalan Kajian 1	51
4.2.3.1 Penggunaan Media Tayang Gerak	
4.2.3.1.1 Penggunaan Video	51
4.2.3.1.2 Penggunaan Komputer	52
4.2.3.2 Penggunaan Media Tayang Kaku	53
4.2.3.2.1 Penggunaan Transperansi	53
4.2.3.2.2 Penggunaan Slaid	54
4.2.3.3 Penggunaan Grafik.	
4.2.3.3.1 Penggunaan Lukisan	5
4.2.3.3.2 Penggunaan Kartun	54
4.2.3.3.3 Penggunaan Poster	57
4.2.3.4 Penggunaan Gambar Kaku	58
4.2.3.4.1 Penggunaan Gambar Foto atau Poskad	
4.2.3.5 Penggunaan Media Pameran	59
4.2.3.5.1 Penggunaan Model	
4.2.3.6 Penggunaan Media Paparan	60
4.2.3.6.1 Penggunaan Papan Cerita	60
4.2.3.6.2 Penggunaan Papan Tulis	61
4.2.3.7 Penggunaan Media Audio	62
4.2.3.7.1 Penggunaan Cakera Padat dan Komputer	62
4.2.3.8 Penggunaan Media Cetak	63
4.2.3.8.1 Penggunaan Modul Pengajaran	63
4.2.3.8.2 Penggunaan Buku Teks	64
4.2.3.8.3 Penggunaan Majalah	64

4.2.3.9 Rumusan	65
4.2.4 Analisis Penggunaan Media Pengajaran Mengikut Jantina.	66
4.2.5 Analisis Penggunaan Media Pengajaran Mengikut Umur.	67
4.3.6 Analisis Penggunaan Media Pengajaran Mengikut Pengalaman Mengajar	68
4.2.7 Keputusan dan Analisis Persoalan Kajian 2	69
4.2.8 Keputusan dan Analisis Persoalan Kajian 3	76
4.3 Penutup	77

## **BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN.**

5.1 Pendahuluan	78
5.2 Tajuk dan Persoalan	78
5.2.1 Media Pengajaran yang digunakan oleh Guru-Guru Mata Pelajaran Geografi di sekolah	78
5.2.2 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Media Pengajaran Mata Pelajaran Geografi di sekolah.	79
5.2.2.1 Faktor Guru	80
5.2.2.2 Faktor Pengurusan dan Pentadbiran.	80
5.2.3 Cadangan Balas Guru Mengenai Menambah Baik Penggunaan Media dalam Pengajaran Mata Pelajaran Geografi.	81
5.2.4 Kesimpulan	81
5.3 Cadangan	82



5.3.1 Pihak Guru	82
5.3.2 Pihak Pentadbir Sekolah	83
5.3.3 Pihak Pusat Sumber Pendidikan Negeri dan Pejabat Pelajaran Negeri	83
5.3.4 Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia	84
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan.	84
5.5 Penutup.	85
<b>Rujukan</b>	<b>86</b>
<b>Lampiran</b>	<b>97</b>

## SENARAI JADUAL

1.1	Prestasi Calon Geografi Negeri Johor dalam Keputusan Peperiksaan SPM 2008 hingga 2010. (Unit Penilaian Jabatan Pelajaran Johor 2010)	6
1.2	Sekolah yang Menawarkan Mata Pelajaran Geografi Peringkat SPM.	9
1.3	Jenis-Jenis Media Pengajaran di Sekolah.	14
3.1	Penentuan Saiz Sampel Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Saiz for Research. Educational and Psychological Measurement, 30, 607-610.	31
3.2	Skor dan Pemerinkatan Skala <i>Likert 5</i> Mata.	32
4.1	Tahap Responden Berdasarkan Min	43
4.2	Ringkasan Bagi 30 Responden yang Diukur.	44
4.3	Ringkasan Bagi 31 Item Diukur	45
4.4	Pemeriksaan Kefungsian Item yang Diukur	46
4.5	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	47
4.6	Taburan Responden Berdasarkan Umur	48
4.7	Taburan Responden Mengikut Akademik	48
4.8	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	49
4.9	Taburan Responden Bilangan Tingkatan yang Pernah Diajar	50
4.10	Taburan Penggunaan Media Tayang Gerak Video.	51
4.11	Taburan Penggunaan Media Tayang Gerak	52

	Komputer	
4.12	Taburan Penggunaan Media Tayang Kaku Transparensi	53
4.13	Taburan Penggunaan Media Tayang Kaku Slaid	54
4.14	Taburan Penggunaan Grafik Lukisan	55
4.15	Tahap Penggunaan Tahap Penggunaan Grafik Kartun.	56
4.16	Tahap Penggunaan Penggunaan Grafik Poster	57
4.17	Tahap Penggunaan Gambar Kaku Foto atau Poskad	58
4.18	Tahap Penggunaan Media Pameran Model	59
4.19	Tahap Penggunaan Media Paparan Papan Cerita	60
4.20	Tahap Penggunaan Media Paparan Papan Tulis	61
4.21	Tahap Penggunaan Cakera Padat dan Komputer	62
4.22	Tahap Penggunaan Media Cetak Modul Pengajaran	63
4.23	Tahap Penggunaan Media Cetak Buku Teks	64
4.24	Tahap Penggunaan Media Cetak Majalah	65
4.25	Taburan Responden Mengenai Penggunaan Media Pengajaran di Sekolah dari Segi Skor Penggunaan, Min dan Tahap	66
4.26	<i>Differention Item function</i> (Penggunaan Media Pengajaran Mengikut Jantina dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Geografi)	67
4.27	<i>Differential Item Functioning</i> (Penggunaan Media Pengajaran Mengikut Umur dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Geografi )	68
4.28	<i>Differential Item Functioning</i> (Penggunaan Media Pengajaran Mengikut Pengalaman Mengajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran	69

	Mata Pelajaran Geografi )	
4.29	Taburan Responden Mengenai Faktor-Faktor Penggunaan Media Pengajaran di Sekolah dari segi Peratus, Skor Penggunaan, Min dan Tahap Persetujuan.	70
4.30	<i>Item Measured</i> Taburan Responden Mengenai Cadangan Menambah Baik Penggunaan Media Pengajaran.	76

## **SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka Konsep Kajian disesuaikan daripada Model Dick dan Carey	12
2.1	Model Kajian disesuaikan dengan Dua Teori PJ Philip & James S. Kinders	22
2.2	Teori “Cone Of Experience”	23
3.1	Carta Alir Proses Pelaksanaan Kajian	40

## SENARAI SINGKATAN

<i>ABBM</i>	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
<i>BPG</i>	-	Bahagian Pendidikan Guru
<i>BTP</i>	-	Bahagian Teknologi Pendidikan
<i>KSSR</i>	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Kurikulum
<i>KBSM</i>	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
<i>PKG</i>	-	Pusat Kegiatan Guru
<i>PSPN</i>	-	Pusat Sumber Pendidikan Negeri
<i>SMK</i>	-	Sekolah Menengah Kebangsaan

## LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Soal Selidik Rintis dan Sebenar	92
B	<i>Item Measure</i> Rintis	102
C	<i>Item Measure</i> Rintis Keseluruhan	104
D	<i>Variavel Map</i> Rintis	105
E	Carta Gantt Pelaksanaan Projek Sarjana	106
F	<i>Variavel Map</i> Kajian Sebenar	109
G	<i>Item Measure</i> Kajian Sebenar	110
H	Rekod Subsidiari Kerajaan 2010	117
I	Pekeliling Kewangan Bil. 5 Tahun 2002	118
P-1	Huraian Sukatan Pelajaran Geografi Tingkatan 4	127
P-2	Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Bahagian Penyelidikan Dasar Pendidikan Kebangsaan	142
P-3	Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Pejabat Pelajaran Daerah.	144
P-4	Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Pengetua-Pengetua Sekolah Terlibat.	145
P-5	Pengesahan Konstrak Soal Selidik – Pakar 1	156
P-6	Pengesahan Konstrak Soal Selidik – Pakar 2	159
P-7	Pengesahan Kesahan Bahasa Instrumen Soal Selidik	162

## **BAB 1**

### **Pengenalan**

#### **1.1 Pendahuluan**

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan bahawa matlamat pembangunan sistem pendidikan negara bagi menghadapi alaf baru ialah merealisasikan sistem pendidikan negara bertaraf dunia bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Sarji (1993), menyatakan sepuluh fokus utama pengurusan pendidikan, yang antaranya ialah pembinaan multimedia sebagai infrastruktur pengajaran dan pembelajaran.

Kementerian Pelajaran mengadakan kemudahan di setiap sekolah untuk kegiatan yang berkaitan dengan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pelajaran juga menawarkan kursus Teknologi Pendidikan pada peringkat sijil, ijazah pertama atau lanjutan di beberapa buah institusi pengajian tinggi, penubuhan Persatuan Teknologi Pendidikan yang pertama iaitu Persatuan Media Pendidikan Wilayah Persekutuan dan kewujudan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP). Pada tahun 1980 berlaku perkembangan pesat bidang Teknologi Pendidikan. Hal ini dapat dibuktikan dengan penubuhan Pusat-pusat Sumber Teknologi di beberapa negeri. Empat buah Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN), 350 buah Pusat Kegiatan Guru (PKG) dan lebih 5000 Pusat Sumber Sekolah (Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974).

Kajian yang telah dijalankan oleh Perkhidmatan Pendidikan Media, Kementerian Pendidikan (1986) telah menunjukkan bahawa kejayaan pembelajaran



banyak bergantung kepada usaha guru yang boleh menyesuaikan teknik dan bahan dalam aktiviti atau projek pembelajaran. Justeru itu, Pusat Sumber Sekolah memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pusat Sumber Sekolah ialah tempat berlakunya segala kegiatan memperoleh sesuatu bahan, maklumat atau pengetahuan yang bertujuan untuk mempertingkatkan taraf profesionalisme keguruan.

Pusat Sumber Sekolah merupakan satu unit bersepadu yang bertugas untuk mengumpul, memilih, menyusun dan menyebarkan media pengajaran dan pembelajaran dengan aktif dan bermakna bagi memenuhi kehendak kedua-dua pihak, iaitu guru dan pelajar. Di pihak sekolah, pusat sumber memainkan peranan penting bagi mempertingkatkan taraf pengajaran dan pembelajaran serta prestasi pencapaian akademik. Pusat Sumber Sekolah hendaklah berkhidmat sebagai tempat untuk memperoleh, menghasilkan, mengorganisasi dan mengedarkan bahan untuk proses pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan oleh guru dan pelajar.

Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 dan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988 telah menekankan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang mengutamakan aktiviti pelajar. Keadaan ini telah menyebabkan penggunaan media pengajar di bilik darjah semakin kurang diamalkan oleh guru-guru. Kegentingan gejala ini semakin jelas pada tahap yang tinggi akibat daripada keinginan guru-guru untuk menghabiskan sukatan pelajaran demi menghadapi tekanan peperiksaan.

Para pendidik masih terbelenggu dengan kaedah tradisional dan penggunaan sumber-sumber pendidikan yang terbatas. Mengikut Eee (1993) pengajaran tradisional bertunjangan kepada kaedah kuliah dalam bentuk penyampaian maklumat dan penerangan idea atau prinsip secara lisan dan abstrak oleh guru kepada pelajar melalui komunikasi satu hala dan peranan pelajar sebagai penerima adalah pasif. Keadaan ini akan menyebabkan pelajar merasa bosan untuk belajar dan akhirnya menyebabkan pencapaian akademik pelajar merosot. Guru juga sering menggunakan pendekatan 'mudah' untuk menghasilkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan dengan cara mengajar tajuk-tajuk yang akan keluar dalam peperiksaan tanpa mengikut kurikulum yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Kemahiran-

kemahiran yang boleh membina perkembangan diri secara menyeluruh sama ada dari segi fizikal, emosi, sosial, mental dan intelek kurang diberi perhatian.

Penggunaan media pengajaran mendahului pembentukan falsafah, teori dan amalan yang berkait dengan pendidikan itu sendiri. Penyelidikan penggunaan media pengajaran dalam alam pembelajaran merupakan asas penting untuk menentukan keberkesanan penggunaannya Omar (2005). Dengan ini, penilaian terhadap kesan yang akan dihasilkan oleh pengguna media pengajaran terkini seperti penggunaan komputer dalam mata pelajaran Geografi perlu disegerakan pelaksanaannya. Maklumat yang berkaitan tentang reaksi pelajar terhadap inovasi baru ini di dalam bilik darjah adalah amat berguna sekali. Dengan itu, adalah difikirkan perlu untuk mendapatkan maklum balas yang boleh menjelaskan keberkesanan penggunaan media pengajaran sebagai suatu kaedah dalam pengajaran bagi membantu pelajar meningkatkan kualiti akademik mereka.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Perkembangan infrastuktur dalam bidang teknologi memberi kesan langsung ke atas pendidikan, terutama dalam penggunaan bahan media pengajaran dan pembelajaran. Media pendidikan telah diterima sebagai salah satu pendekatan untuk mencapai matlamat pendidikan yang bertunjangkan Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan Pendidikan (Simon 2006). Cabaran yang besar menanti golongan pendidik dalam usaha melahirkan modal insan berkualiti dalam arus globalisasi. Pengusaan ilmu dan kemahiran berkaitan teknologi merupakan keperluan yang harus ada dalam diri pendidik sebagai persediaan untuk berhadapan dengan pelajar yang bakal menjadi pencorak masa depan negara. Pelan Induk pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 telah menggariskan keperluan penghasilan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama bagi memecut pembangunan negara agar setanding dengan negara lain. Pengusaan dalam teknologi pendidikan menjadi keperluan asas kepada golongan pendidik dalam zaman teknologi maklumat ini agar dapat muncul sebagai seorang guru yang relevan di pentas pendidikan Abdullah (2009).

Setiap pelajar mempunyai tahap penerimaan, latar belakang, kebolehan pembelajaran dan gaya pembelajaran yang berbeza terhadap sesuatu pengajaran Tan (2007). Menurut kajian beliau, terdapat dua faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik dalam kalangan pelajar. Pertama ialah status sosio-ekonomi tetapi adalah sukar untuk diubahsuai oleh pihak sekolah. Kedua ialah kekurangan kemahiran kognitif. Kemahiran kognitif memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi akademik pelajar. Faktor ini mudah diubah suai melalui pendekatan akademik. Pencapaian akademik pelajar dapat ditingkatkan dengan aktiviti-aktiviti kognitif. Masalah utama yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam akademik ialah untuk mengingat kembali maklumat yang penting. Mereka juga berpendapat masalah ini berkaitan dengan ingatan jangka pendek dan jangka panjang. Kaedah pengajaran kognitif membolehkan pelajar untuk menguasai kemahiran berfikir seperti membanding dan membeza, membuat generalisasi, membuat keputusan, membuat ramalan, mencipta metafora, menerangkan sebab dan menyelesaikan masalah. Melalui pengajaran berbantuan media pengajaran pelajar dapat menguasai kemahiran berfikir dengan lebih baik dan berkesan.

Menurut Zain (2001) salah satu faktor yang menyebabkan hilang minat terhadap sesuatu mata pelajaran ialah kekeliruan atau ketidakfahaman mengikuti pelajaran khususnya yang berbentuk teori semata-mata. Penggunaan media pengajaran berteknologi dilihat sebagai satu pilihan bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran kerana proses ini melibatkan penggunaan pancaindera pelajar seperti penglihatan (75%), pendengaran (13%) sentuhan 96%), rasa (3%) dan bau (3%), menurut Ismail (2002). Di sekolah selain dari mengajar guru juga terpaksa mengelolakan semua perkara antaranya penyelenggaraan pinjaman buku teks, alat bantu mengajar, alat-alat lain yang digunakan oleh pelajar-pelajar, susunan bilik darjah dan segala aktiviti untuk mewujudkan suasana atau keadaan yang menimbulkan pengalaman baru dan tarikan kepada pelajar-pelajar. Keadaan ini merupakan kekangan kepada guru mempelbagaikan kaedah dan penggunaan berbagai media dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Kaedah pengajaran di sekolah berpandukan kepada buku teks dan guru semata-mata tanpa penglibatan secara aktif para pelajar. Kehadiran era teknologi maklumat,

menuntut perubahan dalam sistem pendidikan kita, menurut Ahmad (2004). Guru-guru sebagai pendidik anak bangsa perlu menukar kebiasaan dan menjadi seorang guru yang kreatif dan inovatif, menurut Hasan (2007). Beberapa tahun kebelakangan ini, institusi pengajian peringkat rendah dan tinggi serata dunia giat menjalankan usaha membangunkan kaedah-kaedah pengajaran sebagai satu ikhtiar memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping penggunaan buku teks, penggunaan pita rakaman, set TV, 'overhead projektor', video, komputer dan LCD dan lain-lain peralatan telah diperkenalkan bagi membantu proses pengajaran.

Pendidikan Geografi merupakan satu cabang Sains Sosial boleh memainkan peranan yang lebih baik untuk melahirkan warganegara yang mencintai alam sekitar, mampu memelihara dan memulihara alam sekitar dan pada masa yang sama dapat diseimbangkan dengan pembangunan negara dalam bidang ekonomi, sains dan teknologi menurut Mohamed (2010). Oleh itu adalah perlu pendidikan Geografi dilihat dalam konteks kebangsaan supaya keperluannya selaras dengan pembangunan negara. Ahli Geografi menyatakan kebanyakan konsep yang ditekankan dalam geografi adalah penting dalam bidang lain. Philippe (1976) pula telah melihat bagaimana pendidikan Geografi seharusnya mengalami perubahan. Jika selama ini ianya menggambarkan pengetahuan geografi berbentuk penemuan kawasan baru atau menamakan puncak gunung, kini temanya haruslah diperluaskan iaitu peristiwa dan maklumat dari seluruh pelosok dunia. Geografi memerlukan fakta untuk mengkaji masalah hubungan ruang di muka bumi yang disebabkan oleh lebih penduduk, kemunduran pembangunan, perbandaran, perancangan wilayah dan polisi guna tanah. Dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, guru perlu bijak memilih bahan yang sesuai supaya maklumat boleh disampaikan dengan tepat kepada pelajar menurut Yusof (2003).

Mengikut kurikulum terkini, pembelajaran subjek Geografi hanya bermula di tahap sekolah menengah sebagai subjek yang berasingan, kandungan Geografi di sekolah rendah dimasukkan ke dalam subjek kajian tempatan sebagai sebahagian daripada sukatan pelajarannya. Keadaannya amat berbeza dengan sistem sebelum pelaksanaan KBSM dan KSSR memulakan pembelajaran Geografi sebagai subjek yang berasingan di tahap sekolah rendah. Ekoran daripada asas yang tidak kukuh dan kaedah pengajaran yang tidak memberangsangkan (kaedah tradisional) yang dijalankan

oleh guru Geografi, maka pencapaian pelajar-pelajar cemerlang rendah terutamanya semasa Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Data keputusan peperiksaan SPM negeri Johor menunjukkan pencapaian cemerlang yang rendah dari tahun 2008 hingga 2010 seperti dalam Jadual 1.1 di bawah;

Jadual 1.1: Prestasi Calon Geografi Negeri Johor dalam Keputusan Peperiksaan SPM 2008 hingga 2010. (Unit Penilaian Jabatan Pelajaran Johor 2010).

Pencapaian	Tahun 2008		Tahun 2009		Tahun 2010	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Cemerlang	81	3.57	221	8.37	165	6.47
Kepujian	947	41.79	1326	50.25	1100	43.15
Lulus	889	39.23	609	36.52	778	20.52
Jumlah calon	2266	84.60	2708	89.26	2664	80.15

Jadual 1.1 di atas menunjukkan prestasi calon mata pelajaran Geografi negeri Johor dalam keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dari tahun 2008 hingga tahun 2010. Data keputusan mata pelajaran Geografi yang diperolehi menunjukkan pencapaian cemerlang kurang dari 10% dari tahun 2008 hingga tahun 2010 seperti dalam jadual di atas.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Sekolah yang menawarkan mata pelajaran Geografi sebagai subjek elektif semakin berkurangan. Berdasarkan analisis statistik peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2010, daripada 49421 calon yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia di negeri Johor hanya 2664 (5.39%) calon sahaja mengambil Subjek Geografi sebagai elektif. (Unit Penilaian Jabatan Pelajaran Johor 2010). Sebagai contohnya di daerah Batu Pahat daripada 24 buah sekolah dengan calon seramai 6405 hanya 11 buah sekolah sahaja menawarkan subjek Geografi dengan hanya 512 (7.99%) calon peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (Unit Penilaian Pejabat Pelajaran Daerah Batu Pahat 2010).

Prestasi lulus cemerlang mata pelajaran Geografi di daerah Batu Pahat juga tidak memberangsangkan di peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Hanya 12 orang (2.70%) tahun 2008, 30 orang (6.26%) tahun 2009 dan 23 orang (4.70%) tahun 2010 mendapat keputusan cemerlang. Berdasarkan analisis peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2010 oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) menunjukkan sebahagian besar calon gagal untuk memahami istilah dan konsep menyebabkan mereka tidak dapat menjawab dengan baik dan cemerlang. Menurut Harun dan Tasir (2005) apabila multimedia diserapkan dalam bidang pendidikan, maka akan melahirkan satu konsep gabungan pendidikan dan hiburan iaitu *edutainment (education + entertainment)*. Sejarar dengan itu, menurut Zain (2001), sudah sewajarnya guru mempelbagaikan media pengajaran serta memberi pendedahan kepada pelajar tentang kecanggihan multimedia masa kini.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Mata pelajaran Geografi merupakan antara mata pelajaran yang terendah pencapaian gred cemerlang jika dibandingkan dengan subjek lain di peringkat SPM di daerah Batu Pahat. Keadaan inilah yang menyebabkan penyelidik berminat untuk mengkaji penggunaan media pengajaran dalam kalangan guru-guru mata pelajaran Geografi di daerah Batu Pahat. Pengkaji ingin mengenal pasti media pengajaran yang digunakan dan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan media pengajaran dalam kalangan guru-guru mata pelajaran Geografi di sekolah. Pengkaji juga ingin mengetahui cadangan balas guru-guru mengenai menambah baik penggunaan media dalam pengajaran mata pelajaran Geografi. Kajian ini dapat menambah baik penggunaan media dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru-guru di sekolah.

## **1.5 Objektif Kajian**

Dalam kajian ini pengkaji ingin mengenal pasti sejauh manakah bahan media pengajaran dan pembelajaran digunakan dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Geografi dalam kalangan guru-guru di daerah Batu Pahat.

Objektif kajian ialah;

1. Menenal pasti media pengajaran yang digunakan oleh guru-guru mata pelajaran Geografi di sekolah.
2. Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan media pengajaran mata pelajaran Geografi di sekolah.
3. Mengetahui cadangan balas guru-guru mengenai menambah baik penggunaan media dalam pengajaran mata pelajaran Geografi.

## **1.6 Persoalan Kajian**

Kajian ini menunjukkan kepada tiga persoalan berikut;

1. Apakah media pengajaran yang digunakan oleh guru-guru mata pelajaran Geografi di sekolah?
2. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan media pengajaran mata pelajaran Geografi di sekolah?
3. Apakah cadangan balas responden mengenai menambah baik penggunaan media dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Geografi?

## **1.7 Skop dan Batasan**

Kajian ini adalah tertumpu kepada usaha mendapatkan data dan maklumat tentang penggunaan media pengajaran yang digunakan oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran Geografi di daerah Batu Pahat Johor. Guru-guru mata pelajaran Geografi yang dipilih kerana mereka mengenal pasti isi kandungan dan keperluan

sukatan pelajaran mata pelajaran ini. Terdapat 11 sekolah sahaja yang menawarkan elektif mata pelajaran Geografi dan senarai sekolah tersebut seperti dalam Jadual 1.2 di bawah.

Jadual 1.2: Sekolah yang Menawarkan Mata Pelajaran Geografi Peringkat SPM

Bilangan	Nama Sekolah
1	Sekolah Menengah Kebangsaan Dato` Onn
2	Sekolah Menengah Kebangsaan Permata Jaya
3	Sekolah Menengah Kebangsaan Banang Jaya
4	Sekolah Menengah Kebangsaan Penghulu Saad
5	Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Sardon
6	Sekolah Menengah Kebangsaan Semerah
7	Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Menteri
8	Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Aminah
9	Sekolah Menengah Kebangsaan Dato` Sulaiman
10	Sekolah Menengah Kebangsaan Datin Onn Jaafar
11	Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail

Dari Jadual 1.2 di atas menunjukkan hanya 11 sekolah sahaja yang menawarkan elektif mata pelajaran Geografi peringkat Sijil Pelajaran Malaysia di daerah Batu Pahat, Johor.

### 1.8 Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini diharap dapat memberi data tentang pengguna media pengajaran yang digunakan oleh guru-guru mata pelajaran Geografi di sekolah. Penggunaan dan keberkesanan media pengajaran serta penambahbaikan dalam penggunaan media pengajaran dalam kalangan guru-guru mata pelajaran Geografi di sekolah. Melalui kajian ini pihak pentadbir atau pengurusan dapat mengenal pasti media pengajaran



yang digunakan oleh guru-guru mata pelajaran Geografi. Kajian ini mengenal pasti dari segi pandangan guru terhadap media pengajaran dan peranan pentadbiran terhadap media pengajaran yang terdapat di sekolah.

Sekiranya kajian ini dapat dibuktikan dengan jelas pengguna media pengajaran yang digunakan oleh guru-guru Geografi maka penambahbaikan dalam penggunaan media tersebut boleh dicadangkan. Oleh itu pihak yang terlibat seperti Pusat Sumber, Pentadbiran Sekolah dan seterusnya Kementerian Pelajaran seharusnya mencari jalan untuk menggalakkannya supaya matlamat Pendidikan Negara tercapai. Hasil kajian ini dapat menghasilkan maklumat yang berguna untuk dijadikan garis panduan awal kepada pegawai di peringkat kementerian, jabatan dan pejabat pelajaran bagi menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu hasil kajian ini juga diharapkan dapat merangsang dan menggalakkan para pendidik untuk mengambil usaha positif ke arah mempertingkatkan lagi penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam perkembangan pendidikan di negara ini

## **1.9 Jangkaan Dapatan**


Jangkaan dapatan daripada pengalaman pengkaji mengajar lebih dari 20 tahun di sekolah, antara media pengajaran yang biasa digunakan seperti media tayang gerak, media tayang kaku, grafik, gambar kaku, media pameran, media paparan, media audio dan media cetak, media pengajaran yang sering digunakan ialah media tayang gerak penggunaan komputer perisian *power point* dan media cetak iaitu modul pengajaran, buku teks dan majalah. Walau bagaimanapun, penggunaan perisian tidaklah begitu kerap disebabkan beberapa faktor yang menghalang guru daripada menggunakannya di sekolah. Menurut Ros (2009) menyatakan guru-guru kurang menggunakan komputer dalam pengajaran disebabkan oleh masalah kemudahan yang kurang di sekolah. Masalah mungkin dari segi diri guru itu sendiri atau kelemahan di pihak sekolah seperti kemudahan komputer dan LCD tidak disediakan oleh pihak pentadbiran. Guru mungkin akan memberi cadangan untuk meningkatkan kemahiran diri seperti menyertai kursus kemahiran berkenaan penggunaan komputer perisian *Power Point* atau meningkatkan fasiliti sekolah. Penggunaan media

pengajaran ini jika digunakan dengan berkesan sememangnya akan dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Geografi. Hal ini di sokong dengan kajian Harun (2002) yang menyatakan terdapat perbezaan pencapaian di antara dua kumpulan pelajar. Didapati pelajar yang diajar berbantuan komputer dengan perisian *Power Point* menunjukkan pencapaian yang lebih cemerlang.

### **1.10 Peta Konsep**

Kerangka konseptual kajian adalah berdasarkan model yang digunakan oleh Dick dan Carey merujuk Ahmad (2003), dikenali sebagai Model Reka Bentuk Pengajaran. Melalui pembentukan reka bentuk pengajaran yang disesuaikan oleh pengkaji dengan media pengajaran. Reka bentuk ini mengandungi 4 langkah utama iaitu analisis, reka bentuk, pemilihan dan penilaian.

Sebelum membina kerangka konseptual, pengkaji perlu mengenal pasti pembelajaran terlebih dahulu yang dikehendaki melalui Sukatan Pelajaran Geografi Tingkatan 4, Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan 4 dan Rancangan Pelajaran Geografi Tingkatan 4 Setelah proses analisis dan reka bentuk dibuat, pengkaji akan mendapatkan media pengajaran yang dipilih. Langkah terakhir melaksanakan penilaian formatif seperti dalam metodologi kajian. Dengan itu, pengkaji menyesuaikan model tersebut dengan penggunaan media yang sesuai dengan pelajar. Kerangka konsep kajian seperti dalam Rajah 1.1 di sebelah;



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian Disesuaikan daripada Model Dick dan Carey

## 1.11 Definisi Operasi

Definisi operasi dapat menghubungkan konsep kepada sesuatu yang boleh diperhatikan dan dinyatakan dalam bentuk yang boleh diukur atau dimanipulasi. Berikut adalah senarai operasi mengikut konteks kajian:

### 1.11.1 Media Pengajaran dan Pembelajaran

Media pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada barang apa yang diperlukan atau digunakan untuk mencapai sesuatu maksud berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005).

Dalam konteks kajian ini, bahan pengajaran dan pembelajaran ditakrifkan sebagai apa jua alat atau bahan yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Tujuannya ialah untuk menolong, memudahkan dan memperkukuhkan lagi pengajaran guru supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan.

Bahan pengajaran dan pembelajaran boleh dikategori kepada tiga iaitu;

- i. Bahan pengajaran dan pembelajaran am (Misalnya papan hitam dan buku bercetak)
- ii. Alat pandang dengar (alat pandang–misalnya objek, model, patung, gambar, lukisan, diorama, foto, glob, peta, carta, gambar rajah, graf, poster, kartun dan bahan salinan. Alat dengar pula–misalnya radio, alat pemain piring hitam, pita rakaman suara dan sistem pembesar suara. (Filem suara dan televisyen pula bercorak pandang dengar)
- iii. Alat ciptaan baru bagi pengajaran berprogram seperti komputer dan simulasi.

Terdapat dua kategori media pengajaran iaitu bahan bercetak dan bahan bukan cetak menurut Abdullah *et al.* (2009):

- i. Media cetak :

Merupakan bahan-bahan informasi yang dicetak di atas kertas. Bahan ini berbentuk buku teks, buku kerja, buku rujukan, majalah, risalah, surat akhbar, nota-nota, prosiding seminar, surat-surat berita dan laporan tahunan. Bahan-bahan tersebut dicetak tujuannya memberikan instruksi atau panduan, menyampaikan maklumat dan mempertingkatkan tumpuan atau fokus perhatian pada bidang yang dicetak.

- ii. Media berbentuk bukan cetak adalah kumpulan bahan pengajaran yang kedua yang boleh diklasifikasikan sebagai jenis perkakasan (hardware) dan jenis perisian (software). Bahan jenis perkakasan (hardware) seperti kamera, kamera video, perakam audio, radio, tv, komputer, projector filem, projektor Overhed (OHP) dan transperansi, projektor slaid, projektor LCD dan projektor legap. Bahan jenis perisian (software) seperti filem, transperansi, kaset audio, tv, slaid, perisian komputer, mikro fische, mikro filem.

Bagi memudahkan pengelasan media pengajaran yang biasa digunakan dalam pengajaran, menurut Ahmad et al. (2009), membahagikannya kepada lapan kategori seperti Jadual 1.3 di bawah;

Jadual 1.3: Jenis-Jenis Media Pengajaran di Sekolah.

Jenis Media	Alat Bantu Mengajar
1. Media Tayang Kaku	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Transperansi</li> <li>• Slaid</li> </ul>
2. Media Tayang Gerak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Video</li> <li>• Komputer</li> <li>• Televisyen</li> </ul>
3. Grafik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lukisan</li> <li>• Kartun</li> <li>• Poster</li> </ul>

Jadual 1.3. (sambungan)

Jenis Media	Alat Bantu Mengajar
1. Media Tayang Kaku	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Transparensi</li> <li>• Slaid</li> </ul>
2. Media Tayang Gerak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Video</li> <li>• Komputer</li> <li>• Televisyen</li> </ul>
3. Grafik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lukisan</li> <li>• Kartun</li> <li>• Poster</li> </ul>
4. Gambar Kaku	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gambar Foto atau poskad</li> <li>• Kad Imbasan</li> </ul>
5. Media Pameran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Model</li> <li>• Boneka</li> </ul>
6. Media Paparan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Papan Cerita</li> <li>• Papan Tulis</li> </ul>
7. Media Audio	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pita Audio</li> <li>• Cakera Padat atau komputer</li> </ul>
8. Media Cetak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Modul Pengajaran</li> <li>• Buku Teks</li> <li>• Majalah</li> <li>• Akhbar</li> </ul>

Dari Jadual 1.3 di atas, terdapat lapan jenis media iaitu media tayang kaku, media tayang gerak, grafik, media gambar kaku, media pameran, media paparan, media audio dan media cetak.

### **1.11.2 Mata Pelajaran Geografi**

Geografi merupakan kajian permukaan bumi sebagai ruang dan tempat manusia hidup. Dalam kajian ini, istilah Geografi merujuk kepada bidang kurikulum dan mata pelajaran Geografi. Kajian ini lebih menumpukan kepada mata pelajaran Geografi di sekolah menengah dan diterangkan secara terperinci dalam Huraian Sukatan Pelajaran Geografi Tingkatan 4. (Lampiran P-1)

### **1.11.3 Pengajaran dan Pembelajaran**

Menurut Mok (2001) pengajaran didefinisikan sebagai satu proses komunikasi, sains dan seni, manakala pembelajaran pula sebagai perubahan tingkah laku.

Dalam konteks kajian ini pengajaran dilihat sebagai satu proses dan strategi yang dapat memperlihatkan ciri-ciri pendidikan yang mempelbagaikan penggunaan media pengajaran dalam bilik darjah.

### **1.11.4 Penggunaan**

Perihal perbuatan, kegiatan, kemahiran dan lain-lain (Kamus Dewan 2005). Dengan itu dalam konteks kajian adalah bermaksud menggunakan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

## **1.12 Rumusan**

Kajian ini ingin mengenal pasti penggunaan media pengajaran dalam kalangan guru-guru mata pelajaran Geografi di daerah Batu Pahat. Diharapkan hasil daripada kajian ini nanti dapat dijadikan panduan kepada pihak-pihak berkenaan bagi menambah baik penggunaan media dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru-guru di sekolah pada masa akan datang.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Keberkesanan pengajaran bergantung kepada kebolehan guru menggunakan kemahiran mengajar yang berjaya memudahkan aktiviti pembelajaran pelajar. Seharusnya aktiviti-aktiviti pengajaran adalah semata-mata ditumpukan untuk merangsang pelajar belajar. Oleh itu, menurut Mok (2001) pengajaran mempunyai dua fungsi yang utama iaitu merangsang pembelajaran dan mewujudkan situasi pembelajaran yang berkesan. Namun begitu perkara yang penting ialah tindakan guru sewaktu proses pengajaran mewujudkan pengajaran yang jelas dan boleh diterima oleh pelajar serta membolehkan motivasi sebagai rangsangan untuk menimbulkan minat pelajar dan mengerakkan mereka untuk terus belajar.

Oleh itu, dalam bab ini membincangkan dengan lebih lanjut mengenai teori-teori dan model-model pengajaran dan pembelajaran untuk mewujudkan proses pengajaran yang berkesan. Fungsi utama teori-teori dan model-model yang dibentuk oleh pakar-pakar pendidik ialah untuk memberi panduan kepada perancang pengajaran yang lebih sempurna dan guru-guru dapat membentuk reka bentuk pengajaran yang sempurna.

Selain itu, bab ini membincangkan mengenai dapatan kajian lepas dalam dan luar negara. Segala teori-teori dan model serta kajian-kajian lepas yang diperolehi akan digunakan sebagai sokongan dalam kajian ini.



## **2.2 Pendekatan Penggunaan Media Pengajaran dan Teori Pembelajaran**

Penggunaan media pengajaran harus dirancang berdasarkan teori pembelajaran Hannafin dan Peck menurut Harun (2002), tujuan teori dalam pembinaan perisian adalah untuk mewujudkan satu perhubungan yang seimbang antara tatacara arahan dengan kesan ke atas proses pembelajaran serta jangkaan pembelajaran yang dapat dihasilkan melalui proses-proses tersebut. Perancangan yang rapi dalam reka bentuk dan kaedah pengajaran yang berlandaskan pendekatan teori-teori pembelajaran perlu dilaksanakan supaya pengajaran yang dihasilkan benar-benar berkualiti dan menyumbang kepada keberkesanan pembelajaran dalam usaha untuk memperkembangkan potensi pelajar dengan sepenuhnya.

Teori-teori pembelajaran yang dibincangkan dalam penulisan ini ialah Teori Behaviorsme, Teori Kognitivisme dan Teori Konstruktivisme. Unsur-unsur keberkesanan dalam media pengajaran merupakan faktor yang memberi kesan dalam pengajaran guru dalam bilik darjah. Sekiranya komponen-komponen ini dirancang, direka bentuk, digabung dan diintegrasikan dengan teori-teori pembelajaran yang telah dibincangkan maka akan menjadi satu media pengajaran dan pembelajaran yang sangat berkesan dan bermakna.

### **2.2.1 Prinsip dan Aplikasi Teori Behaviorisme dalam Penggunaan Media Pengajaran**

Hannafin dan Peck dalam tulisan Omar (2005), menyatakan pembelajaran menurut perspektif Teori Behaviorisme adalah berasaskan prinsip rangsangan dan gerak balas. Ketika menjalani proses pembelajaran, pelajar akan diberi rangsangan melalui pelbagai aktiviti pembelajaran yang telah dirancang. Selepas itu pembelajaran akan dinilai melalui penguasaannya ke atas sesuatu kemahiran yang telah ditetapkan secara berperingkat-peringkat daripada tahap asas kepada tahap pakar. Gagne menurut Simon (2006), menyatakan bahawa pembelajaran adalah penguasaan satu siri kemahiran daripada aras rendah kepada kemahiran aras tinggi. Oleh yang demikian ada juga guru mengajar dari kemahiran asas menggunakan buku teks atau papan tulis sahaja sebagai asas pembelajaran. Kajian Dahalan (2003), mengenal pasti amalan guru dalam penggunaan buku teks serta pandangan mereka terhadap

keperluan buku tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian Idris (2006) berkenaan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru di daerah Johor Bahru dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik mendapati guru menggunakan papan tulis untuk menerangkan konsep. Walau bagaimanapun pendekatan ini mempunyai kelemahan kerana kurang memberi kebebasan kepada pelajar dalam proses pembelajarannya.

Media pengajaran perlu dipilih untuk digunakan oleh guru setelah reka bentuk dan kaedah pengajaran dirancang mengikut tahap pelajar. Selepas pengajaran dilakukan di dalam bilik darjah, ujian akan dilakukan untuk menilai penguasaan pelajar pada peringkat tersebut. Guru dapat mengesan tahap pencapaian pelajar sama ada baik atau cemerlang untuk diberi pemulihan atau meneruskan pembelajaran ke tahap seterusnya. Akhirnya penguasaan pelajar terhadap sesuatu pengajaran dicapai apabila pengetahuan baru telah berjaya diintegrasikan dengan pengetahuan yang sedia menurut Abdul Rahman (2003).

Meskipun pendekatan Teori Tingkah Laku dikatakan mempunyai beberapa kelemahan, namun pendekatan ini didapati berkesan untuk memperoleh pengetahuan dengan cepat terutamanya dalam proses-proses seperti penguasaan konsep asas, kemahiran asas, dan pemerolehan maklumat dalam bentuk fakta. Berdasarkan Teori Behaviorisme, reka bentuk pengajaran harus menilai pengetahuan sedia ada pelajar untuk menentukan apa yang perlu diajar dalam bilik darjah dan menekankan pembelajaran asas sebelum beransur kepada pembelajaran yang lebih sukar. Penggunaan media dikatakan dapat meningkatkan kualiti serta keberkesanan sesuatu persembahan menurut tulisan Harun dan Tasir (2005). Media pengajaran yang digunakan juga mestilah menekankan penghasilan *output* yang boleh diperhatikan dan diukur pada pelajar dari kurang baik kepada yang lebih baik.

### **2.2.2 Prinsip dan Aplikasi Teori Kognitivisme dalam Penggunaan Media Pengajaran**

Teori ini yang didokong oleh Jean Piaget melalui kajian Omar (2005) menjelaskan bahawa manusia mempunyai peringkat otak dan saraf yang tinggi iaitu dengan menggunakannya manusia mampu untuk mempelajari pelbagai perkara. Teori kognitivisme merujuk kepada proses mental individu dalam pembelajaran. Proses

pembelajaran berlaku apabila seorang kanak-kanak menyesuaikan pengetahuan sedia ada di otaknya. Maklumat yang diproses secara teratur ketika proses pembelajaran berlaku meninggalkan kesan terhadap ingatan jangka panjang pelajar dan mudah dikeluarkan kembali untuk digunakan.

Berdasarkan Teori Kognitivisme, murid-murid pada umur yang rendah hanya boleh memahami sesuatu konsep melalui pengalaman konkrit. Oleh itu media pengajaran memainkan peranan penting untuk menyampaikan sesuatu konsep dengan berkesan. Proses pembelajaran dan pengajaran mestilah melibatkan penglibatan yang aktif daripada pelajar. Selain daripada maklum balas yang serta merta, pengorganisasian bahan daripada mudah ke sukar dan menggunakan pengelola awal serta nemonik metafora, pembentukan persekitaran pembelajaran yang membenarkan dan menggalakkan pelajar membuat hubungan dengan apa yang telah dipelajari dahulu juga dapat membantu meningkatkan hasil pembelajaran.

### **2.2.3 Prinsip dan Aplikasi Teori Konstruktivisme dalam Penggunaan Media Pengajaran**

Burnner menyatakan pendekatan Teori Konstruktivism menggalakan pembelajaran induktif berdasarkan penemuannya mengikut kajian Abdul Rahman (2006). Hal ini bermakna cara yang paling berkesan bagi seorang pelajar untuk mempelajari konsep, prinsip atau hukum sesuatu mata pelajaran ialah membina perwakilan untuk mewakili konsep, prinsip atau hukum. Oleh itu seorang pelajar digalakkan untuk meneroka lebih lanjut isi pelajaran, menguji idea, membina dan menguji hipotesis untuk menimbulkan kefahaman yang lebih mendalam. Pendokong-pendokong Teori Konstruktivism menyatakan bahawa seseorang individu itu sentiasa membina pengetahuannya melalui interaksi dengan persekitarannya. Intisari Teori Konstruktivisme adalah merupakan idea bahawa pembelajaran melibatkan pembinaan skema pengetahuan seseorang individu yang dicapai melalui proses keseimbangan. Pengetahuan dibina di dalam minda seseorang pelajar sebagai akibat daripada interaksi deria dengan persekitarannya.

Berdasarkan Teori Konstruktivisme, pengajaran guru mestilah berdasarkan kepada pengetahuan sedia ada pelajar, menggunakan contoh yang konkrit, memerlukan contoh yang pelbagai jenis, menggunakan strategi penemuan, memberi

motivasi intrinsik, membenarkan autonomi untuk penjelajahan, memberi kawalan kepada pelajar memilih strategi pengajaran yang sesuai dengan gaya pembelajarannya. Terdapat juga media pengajaran membolehkan pelajar meneroka maklumat yang ada dengan caranya sendiri dan dari penerokaan itu mereka boleh membina pengetahuan baru.


### **2.3 Keberkesanan Media Pengajaran dan Teori Pembelajaran**

Kajian yang dibuat oleh pakar pendidikan mengenai keberkesanan pengajaran dengan menggunakan alat bantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran didapati amat signifikannya. Menurut PJ Philip & James S. Kinder manusia menggunakan deria dalam aktiviti hidup sehariannya mengikut kajian Sani (2003), menyenaraikan kelima-lima alat deria mengikut peratus pembelajaran dan penggunaannya seperti penglihatan (mata) 75%, pendengaran (telinga) 13%, sentuhan (tangan) 6%, Rasa (lidah) 3%, bau (hidung) 3%.

Menurut Abdullah *et al.* (2009), alat bantu mengajar dapat membantu guru;

- i. Mengurangkan masa penerangan
- ii. Pelajar dapat belajar lebih
- iii. Pelajar dapat kekalkan kefahaman
- iv. Pelajar dapat menyakinkan kemahiran dan prestasinya pada subjek yang dipelajarinya.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, terdapat komunikasi dua hala antara pemberi maklumat dan penerima maklumat. Pemberi maklumat (guru) akan menyampaikan maklumat pengajaran manakla penerima maklumat (pelajar) akan menerima maklumat pelajaran. Keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran amat bergantung kepada kebolehan pelajar mentafsir mesej yang disampaikan guru. Mok (2001), Untuk memastikan segala penyampaian ini dapat diterima dengan mudah oleh pelajar maka media pengajaran perlu digunakan. Media pengajaran juga diperlukan untuk memudahkan interaksi antara guru dengan pelajar. Menurut Yusof (2003), penggunaan media pengajaran dapat menarik minat pelajar untuk menumpukan perhatian terhadap aktiviti pembelajaran proses pengajaran dapat ditafsirkan seperti Rajah 2.1 di sebelah.




**Rajah 2.1: Model Kajian disesuaikan dengan Dua Teori  
PJ Philip & James S. Kinders**

### **2.3.1 Teori Pembelajaran Kognitif Terhadap Media Pengajaran dan Pembelajaran**

Gagne menyatakan bagi memperoleh ilmu pengetahuan pengamal mesti melalui celik akal dari kajian Simon (2006). Setiap kali seorang individu belajar ia akan menyusun segala pengalaman dan menyimpannya dalam ingatan. Penggunaan media dalam pembelajaran dapat membantu pelajar dalam memberikan pengalaman yang lebih berkesan. Penggunaan media dalam pembelajaran dapat membantu pelajar dalam memahami sesuatu yang abstrak menjadi lebih konkrit. Hal ini sesuai dengan pendapat Jerome S. Bruner bahawa pelajar belajar melalui tiga tahap iaitu enaktif, ikonik dan simbolik.

Tahap enaktif yaitu tahap pelajar belajar dengan memanipulasi benda-benda konkrit. Tahap ikonik yaitu suatu tahap pelajar belajar dengan menggunakan gambar atau video. Sementara tahap simbolik yaitu tahap pelajar belajar dengan menggunakan simbol-simbol. Prinsip tahapan pembelajaran dari Jerome S Bruner ini dapat kita terapkan dalam “Kerucut Pengalaman” atau “*cone of experience*” yang dikemukakan Edgar Dale pada tahun 1946 menurut kajian Othman (2000). Teori “*cone of experience*” menunjukkan bahawa terdapat beberapa media pengajaran yang boleh digunakan dan berkesan setiap ABM yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Teori “*cone of experience*” diringkaskan seperti Rajah 2.2 di bawah.



**Rajah 2.2 : Teori Cone Of Experience (Edger Dale 1965, Audio Method In Teaching, New York. Hold Rinhard and Winstod)**

Rajah 2.2 di atas menunjukkan bahawa keluasan tingkat di dalam kon menggambarkan keberkesanan penggunaan media dalam proses pengajaran. Memberikan keluasan yang paling tinggi, hal ini bermakna pengalaman secara langsung merupakan pengajaran yang paling berkesan dalam proses pembelajaran

media pengajaran digunakan sebagai simulasi kepada pengalaman sebenar. Menurut Yusof (2003) penggunaan *Microsoft Powepoint* dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Perakaunan berkesan meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

## **2.4 Penggunaan Media dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran**

Media adalah kata jamak dari kata 'medium' yang boleh membawa erti 'antara'. Hal ini bermakna media boleh memainkan peranan sebagai perantaraan bagi pengirim (sender) dan penerima (receiver) iaitu proses menukar pesan dan informasi. Media yang berperanan sebagai 'perantaraan ini boleh diklasifikasikan kepada dua kumpulan iaitu bahan bercetak dan bahan bukan cetak Abdullah *et al.* (2009).

Media cetak merupakan bahan-bahan informasi yang dicetak di atas kertas, seperti buku teks, buku kerja, buku rujukan, majalah, risalah, surat akhbar, nota-nota, prosiding seminar, surat-surat berita dan laporan tahunan. Bahan-bahan tersebut dicetak bertujuan memberikan instruksi atau panduan, menyampaikan maklumat dan mempertingkatkan tumpuan atau fokus perhatian pada bidang yang dicetak.

Media berbentuk bukan cetak adalah kumpulan bahan pengajaran yang kedua yang boleh diklasifikasikan pada jenis perkakasan (hardware) dan jenis perisian (software). Bahan jenis perkakasan (hardware) seperti kamera, kamera video, perakam audio, radio, TV, Komputer, Projektor Filem, projektor OHP, projektor slaid, projektor LCD dan projektor legap. Bahan jenis perisian (software) seperti filem, transparensi, kaset audio, TV, slaid, perisian komputer, mikrofilm dan mikrofilem.

### **2.4.1 Keperluan Penggunaan Media dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran**

Menurut Abdullah (2009) kepesatan perkembangan dalam bidang teknologi pendidikan banyak membantu proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan khususnya kepada golongan guru, murid dan pentadbiran. Media pengajar juga dapat membantu guru kerana;

## RUJUKAN

- Abd. Jalil, M.D. (2000). *Kajian Keberkesanan Persekitaran Pembelajaran Multimedia Interaktif dalam Mata Pelajaran Biologi: Satu Kajian Kes*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdul Ghafar, M.N. (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Rahman, E. (2006). *Penilaian Perisian Multimedia Interaktif bagi Tajuk Multifunction Berasaskan Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner dari Aspek Muzik*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdullah, N. Mat Lazim, N.J. Ahmad Zain, R. (2009) *Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Puchong Selangor: Multimedii Sdn. Bhd. ms.1-2.
- Abdullah, N.A. & Abd Rahman, N.M. (2001). *Fakulti Pengurusan Perniagaan Universiti Kebangsaan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Membaca Buku Teks di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia*. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*. 6(13), ms. 37-43.
- Ahmad, Z. (2004) *Keberkesanan Penggunaan Teknologi Maklumat dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Bistari*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ahmad, H. (2003). *Penggunaan Pembelajaran Berbantuan Komputer Mata Pelajaran Asas Perakaunan (H1002) Bagi Pelajar Sijil dan Diploma Hotel*



*dan Katering Di Politeknik*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.

Ahmad, H. (2007). *Kreativiti Pengajaran di Kalangan Guru-Guru Teknikal: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Teknik Kluang*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.

Ahmad, H. (2000). *Penggunaan Perisian Multimedia Berbanding Kaedah Konvensional untuk Pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat*. Universiti Pertanian Malaysia: Tesis Sarjana.

Aiken, L.H. (2003). Achieving An Interdisciplinary Workforce In Health care. *The New England Journal of Medicine*, 348, 164-166.

Abdul Ghafar, M.N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Awang, A.R. (2004). Satu Tinjauan Mengenal Masalah Penggunaan Media Teknologi di Kalangan Tenaga Pengajar Bahagian Kejuruteraan Jentera, Politeknik-Politeknik Malaysia. *Siri Koleksi Penyelidikan Mengenai Teknologi Pendidikan*, 1(10), ms. 11-12.

Bahagian Teknologi Pendidikan (2003). *Bengkel Kawalan Mutu Bahan Inovasi Kementerian Pendidikan Malaysia*. Hotel Federal, Kuala Lumpur: 20 – 5 September 2003.

Bahari, Z. (2001). *Pembelajaran Berbantu Multimedia: Implikasi Pembelajaran Subjek Kejuruteraan Mekanikal*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.

Baharom, A.M. (2006) Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) di Kalangan Guru-Guru Kemahiran Hidup Tingkatan 2 di Daerah Kulai, Johor. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.

Baker, T.L. (1994). *Doing Social Research (2<sup>nd</sup> Edn)*. New York: Mc Graw-Hill Inc.

- Basir, M.K. (2004). *Keberkesanan Pembelajaran Konsep Sains Menggunakan Perisian Berasaskan Hipermedia: Satu Kajian Di Sebuah Maktab Perguruan*. Jurnal Cerana Maktab Perguruan Batu Pahat. 3 (5) ms. 67-80.
- Benjamin, L.T., Hopkin J.R. dan Nation, J.R. (1994). Ed. Ke-3. *Psychology*. New York: Macmillan Publishing.
- Beyer, B.K. (1991). *Developing A Thinking Skill Program*. Allyn and Bacon: Boston.
- Blake, J.A. dan Champion, D.J. (1976). *Method And Issues In Social Research*. New York.
- Bond, T.G. & Fox, C.M. (2007). *Fundamental Measurement in the Human Sciences*. University of Toledo.
- Burnner, J. (1996). *Toward A Theory Of Instruction*. New York, Norton.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*: Kuala Lumpur. Mc. Graw Hill Malaysia Sdn. Bhd. ms. 263-290.
- Dahlan, M.S. (2003). *Penggunaan Buku Teks di Sekolah Bestari: Tumpuan Kepada Sekolah Bestari Di Wilayah Persekutuan*. Universiti Malaya: Tesis Sarjana.
- Daud, A.R. (2004). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Perlatan Elektronik di Sekolah. *Siri Koleksi Penyelidikan Mengenai Teknologi Pendidikan* : 1 (5), ms. 6-7.
- Dick , W. & Reiser, R.A. (1989). *Planning Efective Instruction*: Prentice-Hall.
- Bono, E. D. (1976). *Teach Yourself To Think*. London: Penguin Books Ltd.
- Ee, A. (1994). *Psikologi dalam Pendidikan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Gagne, R. (1985). *The Condition Of Learning And Theory Of Instruction*. Ed. Ke-4. New York: Holt.
- Gay, L.R. & Airasian, P. (2003). *Educational Research: Consequences For Analysis And Applications* (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Hamzah, M.S. Mohamed, H. Nik Yusof, N.S.S. (2004). Kecenderungan Guru dalam Pemilihan Bahan Pembelajaran dan Ekspektasi Mereka Terhadap Hasil

- Pembelajaran. *Siri Koleksi Penyelidikan Mengenai Teknologi Pendidikan*: 1(4), ms. 61-62.
- Hannafin, M.J. & Peck (1988). *The Design, Development and Evulation of Instructional Software*: New York: Macmillian Publishing
- Harun, H. (2002). *Keberkesanan Pembelajaran Penggunaan Komputer Menggunakan Perisian Paver Point: Satu Kajian Kes di Sekolah Kebangsaan Parit Bilal*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Harun, J. & Tahir, Z. (2005). *Multimedia Konsep & Praktis*. Kuala Lumpur. Venton: Publishing.
- Hasan, H.F (2007). *Kesan Penggunaan Perisian Multimedia di Kalangan Pelajar Teknikal yang Berbeza Gaya Kognitif Field Independent (FI) dan Field Dependent (FD)*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ibrahim, A. (2004). Pengajaran dan Pembelajaran Maya: Menangani Perubahan Bentuk Sumber Pengajaran dan Pembelajaran. *Siri Koleksi Penyelidikan Mengenai Teknologi Pendidikan* , 1(6), ms. 7-8.
- Ismail, I. (2002). *Tinjauan Kesan Penggunaan Pakej Pengajaran Multimedia ke atas Sikap Pelajar Terhadap Proses Pembelajaran di Politeknik*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Johari, K. (2003). *Penyelidikan dalam Pendidikan: Konsep & Prosedur*. Selangor: Prentice Hall.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengan Mata Pelajaran Geografi Peringkat SPM*. Selangor: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengan Mata Pelajaran Geografi*.Selangor. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Konting, M.N. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka

- Konting, M.N. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi ke-4. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Mohamed, R. (2010). *Kesan Peta Animasi dan Interaktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Geografi*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mohd. Yasin, H. Penggunaan Alat Bantu Mengajar di Kalangan Guru Teknikal di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru Johor. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana
- Mok, S.S. (2001). *Siri Pendidikan Perguruan: Pedagogi untuk Kursus Diploma Perguruan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Mok, S.S. *Pengajian Matematik Untuk Kursus Perguruan: Siri Pendidikan Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. 1993.
- Omar, M.A. (2005) *Keberkesanan Kaedah Pengajaran Berbentuk Komputer di Kalangan Pelajaran Pencapaian Akademik Rendah Bagi Mata Pelajaran Geografi Tingkatan 4 Di Negeri Sembilan*. Universiti Sains Malaysia: Tesis Sarjana.
- Omar, N. (2000) *Persepsi Pensyarah Politiknik Terhadap ABBM Bidang Perdagangan yang disediakan Oleh ITTHO*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Pejabat Pelajaran Daerah. (2008). *Rancangan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengan Mata Pelajaran Geografi Tingkatan 4.Johor*. Unit Perkembangan Kurikulum.
- Ponomo, C.H. (2010). *Cara Mudah Belajar MS Power Point Praktis & Lengkap*. Kuala Lumpur: Synergy Media.

- Ros, H. (2009). *Mengenal Pasti Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kajian Tempatan Berbantuan Komputer di Sekolah Kebangsaan Senai, Kulai, Universiti Teknologi Malaysia* : Tesis Sarjana.
- Sahlan, J. (2003). *Hubungan Gaya Pengajaran Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar Bagi Mata Pelajaran Perdagangan di Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin Alor Gajah Melaka*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Sani, M. (2003). *C.I. Penggunaan Transparensi Sebagai Alat Cantu Mengajar Oleh Pensyarah dalam Mata Pelajaran P315 Pengurusan Perniagaan Bagi Pelajar-Pelajar Perdagangan di Politeknik Sultan Ahmad Shah*. Kolej Uneversiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Sarji, A. (1993). *Understanding The Concept, Implications And Challenges Of Malaysia's Vision 2020*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.
- Semail, N. (2004). *Pembinaan dan Penilaian Kesesuaian Modul Pengajaran Kendiri (MPK) Cahaya, Warna dan Penglihatan Bagi Mata Pelajaran Sains Tingkatan Empat*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Simon, M.A. (2006). *Penilaian Perisian Multimedia Interaktif Topik "Jalur Gemilang: Satu Kajian Kes*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Tan, W.S. (2007) *Pengaruh Kualiti CD Mata Pelajaran Lukisan Terbantu Komputer dengan Menggunakan Perakam Skrin Camtasia Studio Terhadap Motivasi, Kefahaman dan Pencapaian Pelajar*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Tasir, Z. & Abu, M.S. (2005). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 For Windows*. Kuala Lumpur: VentonPublishing.
- Wiersma, W. (1995). *Research Methods In Education: An introduction* (6<sup>th</sup> ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Woolfolk, A.E. (1992). *Educational Psychology*. Boston: Ally and Bacon.

- Yusof, S. (2003). *Kajian Keberkesanan Penggunaan Cakera Padat Microsoft Power Point dalam Proses P & P Bagi Subjek Perakaunan Kewangan Satu di Politeknik*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Zain, I. (2001). *Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors. Sdn. Bhd. ms.3-4; 20.
- Zhafran, M. (2009). *Kesan Penggunaan Koswer Terhadap Tahap Pencapaian Pelajar Berdasarkan Gaya Kognitif Field Independence*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana: Tesis Sarjana.